

07 JAN 1997

Muhammad-Adik

ADIK MUHAMMAD SAHKAN KENYATAAN ABANGNYA BERHUBUNG WANG RM2.4 JUTA

KUALA LUMPUR, 7 Jan (Bernama) -- Adik Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Haji Muhamad Taib hari ini mengesahkan bahawa wang tunai berjumlah RM2.4 juta yang dikatakan gagal diisytiharkan oleh abangnya di Brisbane merupakan milik keluarganya untuk membeli hartanah di Gold Coast.

Datuk Raduan, Pengerusi Eksekutif sebuah syarikat yang disenaraikan di bursa saham, berkata bahawa kenyataan yang dibuat Muhammad mengenai wang itu adalah benar.

Beliau berkata demikian semasa ditemui pemberita pada satu majlis di Sungai Besi di sini. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut menghadiri majlis itu.

Muhammad ditahan pada 22 Dis lepas di lapangan terbang Brisbane kerana dikatakan gagal mengistiharkan wang tunai berjumlah RM2.4 juta yang dibawanya kepada pihak berkuasa Australia dan beliau dikehendaki hadir di Mahkamah Majistret di Brisbane pada 21 Mac ini.

Pada persidangan berita di sini 30 Dis lepas Muhammad menyatakan bahawa wang yang dibawanya itu adalah milik abangnya abangnya Datuk Othman dan dua adiknya, Raduan dan Hassan.

Raduan mengakui wang itu untuk membeli harta di Australia tetapi beliau tidak mahu menghebahkan perkara itu kerana ia boleh dianggap sebagai subjudis.

"Memandangkan ia sudah menjadi kes mahkamah, kami telah dinasihati supaya jangan membuat kenyataan yang boleh dipandang subjudis. Maka susah sikit bagi saya untuk memberi kenyataan mengenainya," kata Raduan yang enggan mengulas apabila ditanya sama ada beliau pemilik utama wang berkenaan.

Beliau juga mengakui memberi keterangan mengenai wang itu menerusi surat kepada Dr Mahathir bagi menerangkan kedudukan sebenar.

Raduan juga berkata beliau sanggup memberi kerjasama kepada pihak berkuasa di sini dalam siasatan mereka berkaitan kes berkenaan. -- BERNAMA

ARA NMO